

MAHATHIR-KESATUAN  
(1)

1980

KUALA LUMPUR, 3 SEPT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENASIHATKAN PARA PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA SUPAYA JANGAN MENGGUNAKAN ANCAMAN TETAPI MENYELESAIKAN TUNTUTAN MEREKA SECARA PERUNDINGAN DENGAN PIHAK PENGURUSAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA PEMIMPIN-PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA JANGANLAH MEMBUAT ANCAMAN UNTUK MEMBERHENTIKAN KERJA KEPADA RAKYAT DAN NEGARA BAGI MENGUATKAN TUNTUTAN MEREKA.

MENYENTUH TUNTUTAN KESATUAN PEKERJA-PEKERJA PENGANGKUTAN SUPAYA DINAIKKAN SEBANYAK \$120 GAJI HAKIKI SEMUA AHLI, BELIAU BERKATA TUNTUTAN YANG TINGGI SEPERTI ITU AKAN MENGAKIBATKAN INFLASI DI NEGARA INI.

BELIAU MENASIHATKAN PARA PEMIMPIN KESATUAN SUPAYA MENDAPATKAN PERTOLONGAN KEMENTERIAN BURUH DAN TENAGA RAKYAT JIKA PERUNDINGAN MEREKA GAGAL.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DEMIKIAN SELEPAS MERASMIKAN SEMINAR AHLI-AHLI PARLIMEN BAGI RANTAU AUSTRALASIA DAN PASIFIK SELAMA SEHARI DI BANGUNAN PARLIMEN DI SINI.

MENGENAI RAYUAN PENGUSAHA-PENGUSAHA BAS SUPAYA STRUKTUR TAMBANG DIKAJI SEMULA, BELIAU BERKATA KERAJAAN BERSEDIA MENDENGAR PENDAPAT MEREKA. -- BERSAMBUNG 1330/A1

B539:

MAHATHIR-KESATUAN 2 KUALA LUMPUR

BAGAIMANAPUN, KATANYA, KERAJAAN HANYA AKAN BERSETUJU UNTUK BERBUAT DEMIKIAN JIKA ADA KES.

BELIAU MENEGASKAN KERAJAAN BUKAN SAHAJA MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB TERHADAP PARA PENGUSAHA BAS TETAPI JUGA ORANG RAMAI.

SEBELUM ITU, BERUCAP MERASMIKAN SEMINAR TERSEBUT, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA INI AKAN MEMBERI PELUANG KEPADA PERWAKILAN DARI LUAR NEGERI UNTUK MENGETAHUI PERJALANAN DEMOKRASI DI MALAYSIA.

+SEMINAR AKAN MEMBERI PENGETAHUAN KEPADA PARA PESERTA BAGAIMANA DEMOKRASI BERJALAN DI LAIN-LAIN NEGARA DAN SAYA BERHARAP INI AKAN MEMUPUK PERSEFAHAMAN YANG LEBIH ERAT DI KALANGAN AHLI-AHLI PARLIMEN DARI BERBAGAI NEGARA KOMANWEL,+ TAMBAH BELIAU.

SERAMAI 26 WAKIL DARI NEGARA-NEGARA KOMANWEL DI RANTAU AUSTRALASIA DAN PASIFIK MENGHADIRI SEMINAR ITU.

MALAYSIA DIWAKILI OLEH PERWAKILAN SERAMAI TIGA ORANG IAITU SENATOR ABDUL RAZAK ABU SAMAH, AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI DARI PERAK, ENCIK RAMLI BIN NGAH TALIB, DAN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI DARI PULAU PINANG, DR. ONG HEAN TEE. -- BERNAMA

1334/A1